

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL CENDANA ACE BOOTCAMP DIBUKA UNTUK PERMOHONAN

AKADEMI EKONOMI SENI BUDAYA (ACE): ACE BOOTCAMP – EDISI MUZIK INDIE

TERMA RUJUKAN

GARIS MASA

Panggilan Permohonan	Tarikh Akhir Penyerahan Permohonan	Makluman kepada Pemohon	Kursus bermula
22 Ogos 2019	2 Oktober 2019	14 Oktober 2019	29 – 30 Oktober 2019

1. Pengenalan

CENDANA akan menganjurkan **Akademi Ekonomi Seni Budaya (ACE) Bootcamp-Edisi Muzik Indie** dalam usaha untuk CENDANA ‘Memperkasakan Komuniti’ dan blok pembangunan ‘Pendidikan Seni Budaya dan Kreatif: membina Tenaga Kerja yang Kreatif’. Para pemuzik indie, promoter, rakaman label, pengurus artis dan pekerja seni budaya giat dalam bidang muzik digalakkan untuk memohon kepada ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie CENDANA yang bertujuan untuk menyokong dan mengharungi cita-cita para pemuzik dan pekerja seni budaya melalui kandungan yang disasarkan dan bimbingan dari pakar dalam bidang masing-masing.

ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie adalah kursus pembangunan profesional dua (2) hari dari 29hb hingga 30hb Oktober 2019 yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia yang ditujukan khas kepada para pemuzik indie, promoter, rakaman label, pengurus artis dan pekerja seni budaya yang giat dalam bidang muzik. Ia dianjurkan oleh CENDANA dengan kerjasama The Bee dan Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC).

2. Apakah ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie?

ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie distruktur dan dikendalikan untuk memanfaatkan keperluan para pemuzik indie, promoter, rakaman label, pengurus artis dan pekerja seni budaya untuk memenuhi keperluan perniagaan muzik dalam menjalankan perusahaan kreatif dan / atau projek mereka. Setiap sesi akan dikendalikan oleh pakar dalam bidang muzik dengan latar belakang teknikal dari organisasi tempatan dan antarabangsa, termasuk tetapi tidak terhad kepada label muzik, perantara, produser dan jurulatih yang diiktiraf. Peserta juga akan dibimbing oleh satu pasukan pakar dalam bidang yang diketengahkan di Bootcamp tersebut.

ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie disasarkan kepada pemuzik indie, promoter, rakaman label, pengurus artis dan pekerja seni budaya aktif dalam perniagaan muzik dan dalam pembangunan industri muzik setempat dengan pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan ke atas. Oleh itu, bootcamp adalah di tahap pertengahan di mana andaian dibuat bahawa peserta telah memperoleh pengetahuan asas dalam menjalankan perniagaan muzik mereka.

ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie ini menyediakan ruang, sumber, masa dan kepakaran yang dapat menggalakkan cita-cita pemuzik indie dan pekerja seni muzik bagi mengembangkan idea-idea mereka ke dalam projek-projek yang nyata atau memberi platform yang lebih luas.

ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie ini distruktur sebagai kursus pembangunan professional dua (2) hari dengan format harian seperti berikut :

- Kuliah
- Bengkel (sesi interaktif)
- Pembentangan
- Sesi membina rangkaian
- Input Mentor/ maklum balas sepanjang sesi aktiviti kumpulan

3. Apakah tujuan ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie?

Ia bertujuan untuk para pemuzik indie, promoter, rakaman label, pengurus artis dan pekerja seni budaya yang giat dalam bidang muzik untuk meningkatkan kemahiran diri dan memperoleh kemahiran pengurusan asas yang diperlukan untuk belajar bagaimana untuk memasarkan diri mereka dengan berkesan, untuk menguruskan kewangan mereka dengan lebih baik, berkomunikasi secara berkesan dengan pelbagai pihak penting dalam industri dan membuat pandangan berkesan untuk menjual idea-idea kreatif atau perkhidmatan kepada pihak penaja yang berpotensi dan juga peminat seni keseluruhannya. Ia berharap untuk meningkatkan kemampuan sektor muzik di Malaysia dan membina bakat tempatan profesional.

Topik- topik yang akan dibincangkan di *ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie* adalah seperti berikut ;

- Gambaran Keseluruhan Perniagaan Muzik di Malaysia
- Anda memerlukan lebih daripada satu lagu hit! (pemasaran dan promosi)
- Membuat Persembahan tempatan dan antarabangsa
- Adakah mungkin untuk menyara hidup dalam industri muzik Malaysia?
- Ya, itu benar! (contoh kehidupan sebenar)
- Sesi suai kenal (penggiat industry muzik, pengarah festival, penerbit dan lain-lain)

4. Siapakah yang boleh memohon untuk ACE Bootcamp CENDANA Edisi Muzik Indie?

Para pemuzik indie, promoter, rakaman label, pengurus artis dan pekerja seni budaya yang giat dalam bidang muzik yang:

- Berwarganegara Malaysia dimana kerjanya diusahakan di Malaysia;
- Aktif dalam bidang muzik di Malaysia dengan pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan ke atas.
- Boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dan / atau Bahasa Malaysia;
- Pemohon yang berjaya harus **menghadiri program dua (2) hari sepenuhnya dari 29^{hb} hingga 30^{hb} Oktober 2019 bertempat di Kuala Lumpur, Malaysia.**
- Pemohon perlu memberikan sejarah rekod projek-projek yang nyata dan / atau hasil karya untuk menyokong permohonan mereka.

** Sila ambil perhatian bahawa bilangan peserta di kursus ini adalah terhad kepada 40 orang, dan proses penilaian akan dilakukan apabila permohonan dikemukakan.*

5. Bagaimanakah anda akan bermanfaat daripada ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie?

Kursus ini akan bermanfaat kepada para peserta dengan cara yang berikut :

- Meningkatkan pengetahuan pentadbiran mereka untuk mendalami cara pengurusan yang berkesan dalam usaha muzik indie masing-masing.
- Peluang untuk berunding dengan para mentor berkenaan projek-projek muzik mereka, menghalusi cadangan mereka berdasarkan nasihat yang diberikan, berkongsi dan menghantar cadangan mereka kepada mentor untuk maklum balas.
- **Antara penghasilan ketara yang akan diperolehi melalui ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie ini adalah seperti berikut:**
 - Memahami gambaran Keseluruhan Perniagaan Muzik di Malaysia;
 - Petua dan strategi pemasaran dan promosi yang boleh membawa kejayaan;
 - Garis panduan merangka rancangan perniagaan;
 - Carta tempat-tempat persembahan tempatan dan antarabangsa;
 - Tips / petua dari artis-artis yang berjaya;
 - Sesi suai kenal dengan personaliti terkenal dalam badan muzik, pengarah festival, penerbit dan lain-lain

6. Apakah Sokongan yang diberikan oleh CENDANA?

CENDANA memberikan sokongan seperti berikut;

- Kos tenaga pengajar dan kursus pembangunan profesional dua (2) hari,
- Penginapan berkongsi (berkembar) akan disediakan **hanya** untuk peserta dari luar Lembah Klang,
- Sarapan dan makan tengah hari akan disediakan dalam tempoh masa kursus dua (2) hari,

Terma Rujukan

- Kos penerbangan pergi balik (pemohon Sabah sahaja),
- Kos penerbangan pergi balik (pemohon Sarawak sahaja) akan ditanggung oleh Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC).

NOTA:

- *Kos pengangkutan darat dan insuran tidak termasuk dan mesti dibiayai oleh pemohon.*
- *Semua peserta dikehendaki menguruskan makanan mereka sendiri (di luar Kursus).*

7. Apakah cara memohon untuk ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie?

Penyerahan elektronik diperlukan. Hantar penyertaan anda melalui borang permohonan di laman web CENDANA di www.cendana.com.my sebelum **2^{hb} Oktober 2019**. Permohonan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan. Penyerahan melalui cara lain, misalnya e-mel, salinan keras, **tidak akan** diterima.

- Peserta akan dipilih daripada panggilan terbuka yang berdaya saing.
- Pemohon dikehendaki mengemukakan **Ekspresi Tuntut Minat** dengan penerangan ringkas mengenai pelan semasa untuk perniagaan muzik untuk satu (1) hingga tiga (3) tahun yang akan datang dalam huraian tidak melebihi 300 perkataan.
- Cadangan ini hendaklah ditulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia dan boleh dilampirkan dengan bahan-bahan tambahan untuk menyokong permohonan anda tetapi tidak boleh lebih daripada 2 dokumen.
- Pemohon yang dipilih untuk ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie dapat menerokai rancangan mereka dengan lebih mendalam melalui maklum balas yang berharga untuk menjelaskan cadangan nilai usaha kumpulan muzik, organisasi, kolektif atau usaha kreatif mereka.

Semua penghantaran haruslah dilampirkan dengan:

- Pengesahan bahawa semua **pengemukaan adalah benar dan nyata**;
- **Bersetuju kepada semua terma dan syarat** ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie termasuk Pengakuan dan Penafian dan Tugas untuk Simpan Kerahsiaan dan Tanggung Rugi.
- CENDANA berhak untuk membatalkan mana-mana permohonan dan / atau mengubah mana-mana terma dan syarat pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Sila ambil perhatian bahawa semua keputusan adalah muktamad.

8. Siapakah yang anda boleh menghubungi untuk sebarang pertanyaan?

Untuk sebarang pertanyaan, atau ingin berbincang berkaitan permohonan secara terperinci, sila e-mel kepada artedu.cendana@gmail.com dengan perkara bertajuk, ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie.

9. Apa yang berlaku selepas anda mengemukakan aplikasi?

- Selepas tarikh permohonan tutup, semua permohonan akan disemak berdasarkan kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam no. 4 di atas serta semua dokumen sokongan yang berkaitan telah dikemukakan bersama.
- Oleh kerana penyertaan untuk kursus ini adalah terhad, sila maklum bahawa permohonan dan cadangan pemohon akan dinilai dan disenarai pendek oleh Panel Pemilihan CENDANA. Semua permohonan yang dikemukakan kepada CENDANA akan diuruskan dengan sulit.

10. Apa yang berlaku selepas permohonan anda disemak?

Permohonan Berjaya

Pemohon yang Berjaya akan diberitahu secara e-mel pada **14^{hb} Oktober 2019**.

Permohonan Tidak Berjaya

Pemohon yang Tidak Berjaya akan diberitahu secara e-mel rasmi dalam jangka masa yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan melayan sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

11. Apa yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya?

Pemohon yang berjaya wajib;

- Bersedia untuk menghadiri **program dua (2) hari penuh dari 29^{hb} hingga 30^{hb} Oktober, 2019** di Kuala Lumpur, Malaysia;
- Memberi komitmen sepanjang masa ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie dijalankan dan selepas program daripada CENDANA;
- Bersetuju untuk mengambil bahagian dalam ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie dengan kehadiran penuh dalam tempoh kursus;
- Bersedia untuk memberi maklum balas secara kritikal dan ulasan keseluruhan bagi penambahbaikan program.

12. Apa yang diperlukan selepas program selesai?

Pemohon berjaya harus :

- Mengisikan Borang Soal Selidik Pemantauan Ekonomi CENDANA.
- Pemohon harus mengemukakan semula cadangan pelan lengkap dan mampan secara individu / organisasi mereka yang telah dikemaskinikan untuk semakan dan maklum balas Mentor.

Nota pada Garis Panduan Pembiayaan.

Walaupun kami menggalakkan dan membangunkan industri untuk masa depan Malaysia, sebagai sebuah agensi mengagihkan dana awam selaras dengan dasar Kerajaan, CENDANA memberi keutamaan kepada permohonan yang **tidak**:

- Menghina atau merendahkan individu, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau berkhidmat untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat pelbagai budaya dan agama kita;
- Mengancam keselamatan atau kestabilan negara.

TIADA LIABILITI

CENDANA menafikan sebarang dan semua liabiliti terhadap apa-apa ganti rugi khas, langsung, tidak langsung, berbangkit, atau berkenaan dengan, atau apa jua kerugian yang timbul daripada atau berkaitan dengan ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie.

PENAFIAN

- CENDANA berhak untuk meneliti dan mendokumentasikan semua hasil dari pemerhatian dan mengambil gambar dan video daripada ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie semasa dalam pelaksanaan.
- Gambar-gambar dan video akan digunakan untuk tujuan promosi dan penilaian hanya untuk ACE Bootcamp Edisi Muzik Indie.

TENTANG CENDANA

CENDANA (Cultural Economy Development Agency) telah dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi budaya yang bertenaga, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, menaikkan lagi profil seni dan budaya Malaysia untuk membantu membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni budaya dan strategik meletakkan Malaysia pada peringkat global. Ia disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (Sebuah syarikat dimiliki penuh oleh Perbadanan Menteri Kewangan) dan melapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, layari www.cendana.com.my.

CENDANA menyokong platform, projek dan / atau aktiviti yang:

- i. Tertakluk di bawah satu atau lebih daripada Tonggak Strategik CENDANA berikut:
 - **Menyemarakkan Seni** – Merangsang permintaan untuk seni Malaysia dalam bentuk perdagangan dan orang awam yang lebih luas. Mencipta rangkaian contohnya bangunan dengan tempat pembentangan, menjalankan program seni di tempat awam, dan lain-lain.
 - **Memperkasakan Komuniti** – Meningkatkan peluang kejayaan untuk artis di Malaysia dan meningkatkan kualiti kerja. Contohnya memudahkan kerjasama, usahakan latihan dan kursus pembangunan profesional.
 - **Susunan Semula Polisi** – Menubuhkan dasar dan rangka kerja yang

Terma Rujukan

menggalakkan pembangunan ekonomi seni budaya yang mampan. Contohnya membentuk dan menyelidik dasar kebangsaan budaya terhadap polisi pembiayaan yang dicadangkan.

Untuk maklumat lanjut mengenai program dengan terperinci, layari www.cendana.com.my.

- ii. Berkaitan dengan satu atau lebih daripada Blok Pembangunan CENDANA :
- **Pendidikan Kebudayaan dan Kreatif: Membina tenaga kerja kreatif**–
Membangunkan dasar pendidikan kreatif dan kemahiran di Malaysia.
 - **Memupuk Pasaran**
– Membangunkan KL sebagai Pusat Kreatif
 - **Sokongan dan Pelaburan Perniagaan**
– Memastikan industri kreatif mempunyai akses kepada kepakaran dan nasihat bersesuaian serta masyarakat pelaburan utama.
 - **Mewujudkan Pusat Kreatif, Kesesuaian Hidup dan Pelancongan**
– Membangunkan garis panduan perancangan khusus untuk seni budaya dan meneroka insentif yang akan menggalakkan aktiviti kebudayaan dan kreativiti di KL.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Blok Pembangunan, sila log masuk ke Laporan "KL sebagai Bandar Berbudaya dan Kreatif" di www.cendana.com.my/resources.